

Agenda 1996
ANWAR
Lawan
MAHATHIR

TINTA MERAH
KUALA LUMPUR
1995

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000327447

Agenda 1996

ANWAR
Lawan
MAHATHIR

MOHD SAYUTI OMAR

AGENDA 1996 - ANWAR LAWAN MAHATHIR
Cetakan Pertama November, 1995

© MOHD SAYUTI OMAR(MSO)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal atau dipinda sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit.

Penerbit

TINTA MERAH

304 Block A1 Seksyen 4,

Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur.

Tel - 03-4122301

Pencetak

ISTIRAMAI ENTERPRISE SDN. BHD.

No 6 & 12 Jalan Nirwana 37

Taman Nirwana

68000 Ampang Selangor.

ISBN : 983-9032-16-X M

HARGA : 12.00

856633

14 MAY 1997

*Perpustakaan Negara
Malaysia*

320.28954

RISD

KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| 1. PERMULAAN | 1 |
| 2. MENANTI SAAT PERSARAAN DR. M | 9 |
| 3. BUKAN MUDAH ANWAR NAK JADI PM | 29 |
| 4. NAJIB DIPAKSA LAWAN ANWAR? | 41 |
| 5. IMPLIKASI KALAU TAK LAWAN DR. M | 53 |
| 6. PENGARUH DR. M SEMAKIN BERKURANGAN? | 83 |
| 7. SIAPA PIMPIN PEMUDA 1996 | 97 |
| 8. APA AGENDA SANUSI SELEPAS KALAH? | 111 |
| 9. CALON NAIB PRESIDEN 1996 | 127 |
| 10. HIKAYAT PERBALAHAN ANWAR - MAHATHIR | 141 |

PERMULAAN

SUBJEK yang berada di hadapan seluruh warga Malaysia sekarang ini ialah Agenda 1996. Agenda ini dikira penting dan sungguh menarik, dan setiap pihak tentu ingin memperkatakannya. Kerana ianya ada kaitan langsung dengan masa depan negara; pembangunan material, pendaulatan agama serta kedudukan kuasa politik bangsa Melayu pada tahun 2000 kelak.

Agenda yang maha penting itu berbunyi; "*ANWAR IBRAHIM lawan Dr. MAHATHIR MOHAMMAD*" untuk jawatan Presiden UMNO. Mungkin ramai terperanjat apabila agenda ini sudah dikemukakan sedangkan ia masih dianggap embargo. Dan tidak kurang pula ia dianggap sebagai suatu gimmik untuk tujuan tertentu. Pengakuan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim kononnya, tidak ada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pasti akan dijadikan alasan oleh pihak yang merasakan agenda ini tidak akan menjadi kenyataan.